



POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
No. 64, Jalan Suria 19
Taman Putera
81100 Johor Bahru
JOHOR, MALAYSIA



Tel. : 07-335 8851/52
Faks : 07-335 8854
Laman Web : www.pmjb.edu.my
Facebook : PoliteknikMETrOJohorBahru

Ruj. Kami : PMJB.600-1/1Jld 5(34)
Tarikh : 27 Julai 2020

Semua Pelajar

Tuan,

KEMASUKAN SECARA BERPERINGKAT KE KAMPUS BAGI PELAJAR POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan, Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Bil. 17/2020 bertarikh 10 Julai 2020 telah memutuskan bahawa kemasukan bagi pelajar ke politeknik adalah secara berperingkat.

3. Sehubungan itu, bagi pelajar Politeknik METrO Johor Bahru kemasukan bagi Sesi Jun 2020 adalah seperti ketetapan berikut:

Bil	Kumpulan Pelajar	Pelaksanaan
1.	Semua pelajar baharu semester 1 (DIB, DLS & DEN)	- Pendaftaran pada 3 Ogos 2020 (Isnin) - Kuliah bermula pada 9 Ogos 2020 (Ahad)
2.	Pelajar - Semester 2 (DIB, DLS & DEN) - Semester 3 (DIB, DLS & DEN) - Semester 4 (DIB)	- Pelaksanaan kuliah secara dalam talian bermula pada 9 Ogos 2020 (Ahad) - Pelaksanaan kuliah di kampus bermula pada 4 Oktober 2020 (Ahad)

3. Sebarang perubahan berkenaan perkara di atas akan dimaklumkan dari masa ke semasa. Kerjasama dan keprihatinan semua pelajar untuk mematuhi semua prosedur operasi standard dan panduan keselamatan berkenaan COVID-19 dalam pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HJ AZIRIN BIN ABDUL AZIZ)
Pegawai
Politeknik METrO Johor Bahru